

# Universiti baru disaran ambil Iulusan SPM

*Sabah Times*  
*Rabu 6/4/94*

KOTA KINABALU, Selasa — Universiti baru yang dicadangkan di Sabah disarankan supaya mengambil penuntut berkekulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Inj adalah kerana jumlah pelajar yang memperoleh keputusan yang baik pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sabah adalah kecil, kata anggota jawatankuasa Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Sabah, Prof Madya Dr Mohamad Noh Dalimin.

"Saranan ini bolehlah dianggap sebagai sebahagian daripada usaha untuk menarik jumlah penuntut yang boleh memasuki universiti baru itu," katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata lepasan SPM itu boleh

ditawarkan kursus matrikulasi yang kemudian diikuti pendidikan peringkat diploma dan seterusnya ijazah di universiti berkenaan.

Menurutnya saranan itu adalah sebahagian daripada resolusi perbincangan hampir tiga jam anggota persatuan berkenaan pagi ini yang diadakan khusus ekoran keputusan kerajaan Pusat untuk menubuhkan universiti baru di Sabah. Ia dihadiri oleh 27 kakitangan akademik kampus itu. Prof Madya Dr Mohamad Noh berkata persatuan itu juga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menyegerakan perantukan pegawai kanan universiti berkenaan.

"Ini akan lebih memudahkan ahli akademik kampus ini menyuarakan pandangan dan hasrat mereka kepada pegawai-pegawai berkenaan," katanya dan menambah perantukan itu termasuklah bagi jawatan Naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor.

Beliau juga berkata segala usaha hendaklah dilakukan bagi menarik minat orang ramai terutamanya pensyarah untuk bertugas di universiti itu.

"Lokasi adalah yang paling penting dan Kerajaan negeri serta Pusat perlu memutuskan sebuah tempat yang terbaik yang boleh menarik minat pensyarah untuk berkhidmat dengan universiti berkenaan," katanya.

Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dua hari lepas berkata semua universiti baru termasuk yang di Sabah akan dibina di kawasan bandar untuk mengelakkan masalah menarik minat kakitangan akademik.

Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai pula berkata Kabinet Negeri telah mengesyorkan Tawau sebagai tapak untuk universiti itu tetapi pasukan petugas Kementerian Pendidikan yang ditubuhkan bagi mengkaji pelbagai aspek penubuhan universiti berkenaan belum membuat keputusan. — Bernama